

JENAYAH CELA BADAN BUKAN BAHAN LAWAK

Oleh: Nur Aimi Zafira binti Mohamed Basli, 1171837,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 3 Ogos 2020



Perbuatan cela badan atau memalukan seseorang berdasarkan rupa fizikalnya merupakan isu yang hangat diperkatakan dalam kalangan masyarakat dan menjadi perbualan netizen masa kini.

Kita dapat melihat perbuatan yang tidak baik ini semakin kerap dilakukan sehingga menyebabkan segelintir anggota masyarakat menganggapnya sebagai sesuatu yang biasa.

Cela badan dilakukan secara lisan atau bertulis untuk mengkritik bentuk atau saiz tubuh orang lain dengan niat untuk memalukannya. Perbuatan ini boleh disamakan seperti membuli.

Malah, sesetengah anggota masyarakat menganggap cela badan sebagai satu gurauan dan bahan lawak untuk membuatkan orang ketawa.

Di Malaysia, masih ramai lagi yang tidak peka dan masih bebas mencela badan orang lain sama ada dalam keadaan sengaja atau tidak sengaja.

Pemikiran dan tanggapan biasa dalam kalangan masyarakat bahawa kecantikan atau ketampanan adalah sinonim dengan kulit putih, hidung mancung, tubuh langsing dan tinggi lampai.

Apabila seseorang individu tidak memenuhi deskripsi tersebut, dia dianggap termasuk dalam kategori jelek, kurus, gemuk dan pelbagai panggilan negatif yang lain.

Mungkin perbuatan cela badan semakin berleluasa kerana ramai yang tidak tahu ia sebenarnya adalah kesalahan jenayah.

Mengikut Seksyen 233(1) (b) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), mereka yang didapati didapati bersalah melakukan kesalahan cela badan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali.



Gejala cela badan ini juga akan memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental mangsa di mana dia akan berasa malu dan tertekan serta mengalami gangguan emosi, keclaruan pemakanan dan menjadi murung atas penghinaan yang dilemparkan terhadapnya.

Pakar psikologi menyatakan bahawa mereka yang sering memalukan orang lain atau mengkritik fizikal orang lain sebenarnya mempunyai masalah keyakinan diri.

Mereka berasa bahawa dengan mengkritik fizikal orang lain itu dapat melindungi kelemahan diri sendiri.

Setiap kejadian tubuh manusia adalah berbeza. Menghina fizikal orang lain sama seperti kita menghina ciptaan Allah SWT.

Budaya negatif cela badan ini tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat kita. Malah, perbuatan cela badan itu hakikatnya jelas haram dan ditegah oleh Islam.

Allah SWT berfirman dalam surah at-Tin, ayat 4 yang bermaksud: “Sesungguhnya Kami mencipta manusia itu sebaik-baik kejadian.”

Oleh itu, Allah SWT melarang kita merendah-rendahkan serta menghina orang lain. Semua ciptaan Allah ada kelebihan serta hikmahnya. Ia tidak sepatutnya dicela dan dihina sedemikian rupa.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Hujurat ayat 11 yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah suatu kaum menghina kaum yang lain, (kerana) boleh jadi mereka (yang dihina itu) lebih baik daripada mereka (yang menghina), dan jangan pula wanita-wanita (merendah-rendahkan) wanita lain (kerana) boleh jadi wanita-wanita (yang dihina itu) lebih baik daripada wanita (yang menghina) dan janganlah kamu mencela dirimu sendiri dan janganlah kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah (panggilan) yang buruk sesudah beriman dan barangsiapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”

Sehubungan itu, sebelum mengeluarkan kata-kata atau menulis, fikirkan terlebih dahulu. Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.



wiki How to Respond to Someone Body Shaming Another Person